

**PSIKOLINGUISTIK: TEORI GENERATIF PERBANDINGAN KONSTRUKSI STRUKTUR  
KATA KERJA (AVOIR) DAN (ÊTRE) DALAM AYAT ASAS  
BAHASA PERANCIS DAN MELAYU**

**Mohd Nor Azan Abdullah<sup>1</sup>**

**Jeannet Stephen<sup>1</sup>**

**Mohd Yusof Abdullah<sup>2</sup>**

Universiti Malaysia Sabah<sup>1</sup>

Kolej Universiti Islam Melaka<sup>2</sup>

**Abstrak**

Kajian ini memfokuskan ilmu psikologi dalam menganalisis bahasa melalui pengamatan Teori Generatif (TG) dalam pembelajaran bahasa. Psikolinguistik Teori Generatif (TG) mengkaji pemerolehan dan penguasaan bahasa kedua atau ketiga melalui penelitian perbandingan konstruksi struktur kata kerja (avoir), (être) dalam ayat asas bahasa Perancis yang berasal daripada turunan Indo-Eropah dan bahasa Melayu daripada rumpun Austronesia. Kedua-dua bahasa daripada induk yang berlainan ini mungkin memperlihatkan perbezaan dan persamaan struktur asas sintaksis berdasarkan elemen linguistik, khususnya dalam membina ayat mudah melalui Teori Generatif (TG). Metodologi kajian ialah kajian perpustakaan dengan merujuk buku-buku atau dokumen tatabahasa bagi kedua-dua bahasa. Dapatan kajian menunjukkan wujudnya persamaan dan perbezaan konstruksi penggunaan kata kerja tersebut. Contohnya, *Je suis grand* (Saya tinggi). *Je suis* adalah turunan konjugasi kata kerja (être) dalam kata ganti diri pertama manakala dalam bahasa Melayu, ayat ini tidak memerlukan kata kerja. Pemahaman tentang perbezaan dan persamaan struktur kata kerja tersebut dapat ditunjukkan melalui proses pengaplikasian Teori Generatif (TG) dalam pembelajaran bahasa berkenaan. Dengan induk bahasa yang berlainan, kajian ini akan memperlihatkan pembentukan komponen ayat dalam konstruksi sintaksis (avoir) dan (être) bagi kedua-dua bahasa tersebut.

**Kata Kunci:** Psikolinguistik, Teori Generatif, Perbandingan, Struktur, Kata Kerja (avoir), (être), Ayat Asas, Elemen Linguistik, Bahasa Perancis, Bahasa Melayu.

### **Abstract**

#### **PSYCHOLINGUISTICS: GENERATIVE THEORY COMPARISON OF CONSTRUCTION STRUCTURE OF VERTICAL (AVOIR) AND (ÊTRE) IN BASIC SENTENCES OF FRENCH AND MALAY LANGUAGES**

*This study focuses on the psychology in analyzing language through the Generative Theory (TG) in language learning. In this paper, psycholinguistics TG studies the acquisition and control of a second or third language through comparative research on the construction of the verb structure (avoir), (être) in the basic French and Malay sentences. Both languages originated from different language families thus 'may' exhibit the differences and similarities of the basic syntax structure based on linguistic elements, in particular in building simple sentences through TG. The methodology of the study is library study with reference to books and grammatical documents for both languages. The findings show that there are similarities and differences in the construction of the verbs. For example (Je suis grand), (I high). (Je suis) is a verb conjugation derivative (être) in the first person pronoun whereas in Malay this sentence does not require a verb. Understanding the difference and similarity of the verb structure can be demonstrated through the process of applying TG in learning the language concerned. This study will show the formation of components within a sentence in the syntax construction (avoir) and (être) for both languages.*

**Keywords:** *Psycholinguistics, Generative Theory, Comparison, Structure, Verbs, (avoir), (être) Basic Verses, Linguistic Elements, French, Malay*

### **PENGENALAN**

Psikolinguistik merupakan kajian dua disiplin ilmu yang mengkaji psikologi dan linguistik. Psikologi merujuk kajian tingkah laku manusia yang dicetuskan oleh akal manusia manakala linguistik merupakan cabang ilmu yang mengkaji bahasa manusia. Kedua-dua disiplin ini berkait rapat terhadap pembelajaran bahasa. Oleh yang demikian psikolinguistik merupakan tindak balas akal dalam memahami peraturan penulisan mahupun pertuturan bahasa secara bersistem dan logik. Ilmu bahasa melalui linguistik membolehkan manusia memahami fungsi bahasa dan dapat berkomunikasi melalui mekanisme akal serta bertindak balas dengan pemahaman unsur-unsur bahasa yang diproses oleh akal secara selari dengan norma manusiawi.

### **OBJEKTIF**

Objektif utama ialah mengaplikasikan teori generatif Chomsky (1957) dalam mempelajari peraturan bahasa dengan memahami struktur ayat melalui proses pengecaman perkataan. Pengecaman perkataan dalam sintaksis mengikut kategori tatabahasa terutama membandingkan sistem ayat asas bahasa Perancis dengan bahasa Melayu.

### **METODOLOGI KAJIAN**

Metodologi kajian adalah bersifat kualitatif. Kajian perpustakaan digunakan iaitu dengan merujuk buku-buku atau dokumen tatabahasa bagi kedua-dua bahasa tersebut untuk melengkapkan bahan kajian.

### **KAJIAN LITERATUR**

Terdapat beberapa penulisan ilmiah berkaitan dengan psikolinguistik seperti yang ditulis oleh Zulkifley Hamid (2007) mengenai pemahaman psikolinguistik. Menurut beliau pemahaman input bahasa bermula dengan menanggapi maklumat deria dan diikuti dengan proses pengecaman dan

mendapatkan makna perkataan. Proses ini kemudiannya diikuti dengan pembinaan struktur frasa dan ayat dan diakhiri dengan memahami makna-makna ayat dengan berdasarkan situasi kewujudan ayat-ayat tersebut. Beliau juga menyenaraikan langkah-langkah pemahaman input-input bahasa melalui proses menanggapi maklumat deria, pengecaman dan mendapatkan makna perkataan seterusnya melibatkan proses pembinaan struktur ayat serta perolehan makna ayat. Kesemua tahap ini merupakan tahap pemahaman semantik melalui akal dan deria dalam memahami proses pengecaman makna sintaksis yang sebenar. Penulis menggunakan proses tersebut dalam memecahkan unsur-unsur ayat asas yang berbentuk beberapa unsur kecil dan boleh ditanggapi oleh pancaindera terutama oleh akal dalam membina dan membandingkan struktur tatabahasa perbandingan melalui teori generatif Chomsky (1957).

Pemerolehan bahasa merupakan kemampuan manusia dalam menghasilkan kata untuk difahami sama ada dalam penulisan mahupun bersifat komunikasi. Kapasiti pemerolehannya melibatkan elemen bahasa seperti unsur bunyi, diwakili oleh representasi fonetik. Elemen fonem membentuk suku kata dan leksis lalu membentuk frasa dan seterusnya sintaksis. Sintaksis terbentuk hasil daripada kata-kata yang dituturkan secara semula jadi. Kecekapan berbahasa bagi Chomsky (1966) merupakan satu proses generatif dan merupakan sistem tatabahasa penutur. Bagi penulis proses generatif berbahasa dilihat secara perbandingan bahasa di antara ayat asas bahasa Perancis dengan ayat bahasa Melayu akan merupakan satu analisis yang baru untuk merungkaikan struktur sintaksis dengan melihat struktur dalaman dan struktur permukaan bagi kedua-dua sintaksis.

### **Beberapa Teori Perolehan Bahasa dan Teori Generatif**

Terdapat banyak teori linguistik yang dikaitkan dengan linguistik dan psikologi dalam psikolinguistik. Antara teori tersebut termasuklah teori Ferdinand de Saussure (1858-1913). Dalam bukunya yang terkenal *Cours de linguistique générale* menerangkan tentang perilaku pertuturan yang terdiri daripada bahagian luaran dan bahagian dalaman. Bahagian luar meliputi mulut, telinga manakala bahagian dalaman pula melibatkan akal sebagai pusat perhubungan. Konsep mental bahagian dalaman dihubungkan dengan bunyi dan di bahagian luaran yang melibatkan telinga dan mulut. Konsep yang berada di mental merupakan fenomena psikologi manakala konsep tersebut diterjemahkan pula dalam bentuk bunyi yang dikeluarkan oleh mulut merupakan fenomena fisiologi. Bunyi yang dikeluarkan tersebut merupakan fonem bersifat linguistik. Begitu juga yang akan berlaku kepada pendengar di mana ia melibatkan proses fizikal iaitu telinga menerima isyarat ke pusat perhubungan dan bertindak balas dalam proses memahami dan bertutur. Bagi Saussure (1858-1913) bahasa merupakan lambang-lambang bunyi untuk menyatakan idea-idea. Ianya merupakan sistem pemikiran yang tersusun diterjemahkan dengan bunyi dan konsep ini dikaitkan dengan *signe* tanda iaitu gabungan daripada konsep dan bunyi, *signifié* iaitu erti yang di tanda dan *signifiant* iaitu *image acoustique* iaitu imej yang diterima atau penanda. Tanda-tanda linguistik mempunyai bilangan yang tidak terbatas. Melalui teori ini para linguis boleh menganalisis bahasa mengikut unit-unit tersusun panjang dipanggil *sintagmatik* atau pun *paradigmatik* iaitu unit-unit leksis yang boleh digantikan dalam tempat yang sama.

Teori Leonard Bloomfield (1887-1949) pula mendefinisikan bahasa sebagai tanda-tanda berupa unsur-unsur vokal membentuk kesatuan isyarat atau bunyi yang dinamakan fonem. Beliau menganalisis bahasa dengan memenggal bahagian-bahagian bahasa mulai dengan fonem, morfem, frasa untuk mengkaji strukturnya. Bagi Bloomfield (1887-1949), bahasa merupakan sekumpulan ujaran yang wujud dalam masyarakat yang menuturkan bahasa tersebut. Dalam teori generatif ayat-ayat yang dituturkan tidaklah terhasil semata-mata dari *stimulus-response* (Rangsangan-Gerak balas → perilaku) seperti yang dinyatakan dalam teori behaviorisme. Bagi Chomsky (1964) kecekapan linguistik penutur merupakan satu proses generatif dan merupakan sistem tatabahasa dalaman penutur yang mampu memberikan huraian berstruktur setiap ayat terbatas yang boleh menerbitkan ayat bahasa tanpa terbatas jumlahnya. Tatabahasa tersebut menurutnya merupakan alat perancangan yang menjelaskan pembentukan sintaksis yang gramatis. Susunan tatabahasa yang gramatis ini dinamakan oleh Chomsky (1966) sebagai tatabahasa generatif. Menurutny lagi, penutur bahasa secara semula jadinya memiliki kecekapan intelek nurani bahasa tanpa disedarinya dan tatabahasa merupakan satu bahagian sistem intelek nurani manusia yang dinamakannya sebagai tatabahasa sejagat.

Menurut teori tatabahasa transformasi generatif, setiap ayat terdapat dua peringkat iaitu peringkat dalaman dan peringkat permukaan. Peringkat dalaman juga dikenali sebagai struktur dasar adalah struktur ayat yang masih di peringkat abstrak di dalam otak manusia yang belum diterbitkan. Representasi dalaman akan diterbitkan dalam bentuk struktur permukaan melalui bentuk lisan mahu pun tulisan berbentuk ayat-ayat.

Untuk menjelaskan transformasi generatif dengan lebih jelas Chomsky (1968) menggunakan di antara istilah-istilah tatabahasa seperti berikut:

Hubungan elemen ayat diterangkan melalui struktur frasa yang digambarkan A untuk mewakili (ayat). FN untuk frasa nama manakala Frasa kerja dijelaskan sebagai FK. Hubungan elemen-elemen tatabahasa tersebut digambarkan sebagai pohon tatabahasa.

### Simbol Struktur Frasa Transformatif Generatif

A = Ayat

FN= Frasa Nama

FK= Frasa Kerja

KK= Kata Kerja


FS = Frasa Sendi

SN = Sendi Nama


FA = Frasa Adjektif

KT= Kata Tentu

Contoh aplikasi simbol tatabahasa melalui pohon transformatif generatif dalam ayat 1: **Aminah est belle.**



Terjemahan ayat 1: Aminah cantik



Melalui pohon transformatif generatif, boleh dirumuskan bahawa ayat 1 dalam bahasa Perancis memerlukan kata kerja (*être*) yang dikonjugasi dalam bentuk kata ganti diri ketiga yang juga merupakan kata nama manakala dalam ayat 1 yang diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu merupakan gramatis walaupun tanpa adanya kata kerja yang berstruktur Frasa Nama + Frasa Adjektif. Ayat 1 dalam bahasa Perancis akan menjadi tidak gramatis sekiranya tidak diiringi kata kerja (*être*) yang dikonjugasi dalam bentuk (*est*) merujuk kepada kata nama (Aminah) sekali gus (*est*) bersifat kopula yang bermaksud kata kerja tersebut menghubungkan antara kata nama dengan komplemennya untuk melengkapkan maksud frasa tersebut. Perbandingan konstruksi ayat melalui pohon transformatif generatif tersebut jelas menunjukkan perbezaan elemen linguistik melalui pohon bahasa tersebut dan ia memudahkan pemerolehan dan pemahaman serta memudahkan penguasaan kemahiran berbahasa.

### Perbandingan Konstruksi Kata Kerja (*avoir*) dan (*être*) dengan Ayat Bahasa Melayu

Adalah dijelaskan bahawa kata kerja (*avoir*) dan (*être*) mengandungi maksud yang berbeza dan struktur konstruksi juga berbeza antara bahasa Perancis dengan bahasa Melayu. Dalam bahasa Perancis kata kerja (*être*) menerima adjektif sebagai komplemen manakala kata kerja (*avoir*) diikuti kata nama sebagai pelengkapannya. Dalam bahasa Melayu hanya menggunakan kata kerja (*avoir*) iaitu (*ada*) seperti dalam jadual 1 dalam ayat D sebagai pengganti kepada kata kerja (*être*). Kata kerja (*être*) dalam bahasa Inggeris merujuk *to be* [am, is are], manakala (*avoir*) merujuk *have* dan *has* dalam bentuk (*tense*) kala kini.

**Jadual 1: Perbandingan Struktur Konstruksi (*avoir*) dan (*être*) dalam Ayat Mudah bahasa Perancis ke bahasa Melayu.**

ETRE	Struktur bahasa Perancis	Struktur bahasa Melayu	Pemerhatian
A. <i>Je suis grand.</i> Saya $\emptyset$ tinggi.	<i>être</i> + Adjektif.	$\emptyset$ + Adjektif.	$\emptyset$ = tanpa kata kerja dalam bahasa Melayu
B. <i>Je suis professeur.</i> Saya $\emptyset$ guru.	<i>être</i> + Adjektif	$\emptyset$ + nom	$\emptyset$ = tanpa kata kerja dalam bahasa Melayu
C. Dieu <i>est.</i> Tuhan <i>ada.</i>	<i>être</i> + $\emptyset 1$	<i>ada</i> + $\emptyset 1$	<i>Ada</i> maksud <i>ada</i> dalam bahasa Melayu $\emptyset 1$ = tanpa keterangan
D. Sa mère <i>est en</i> Espagne. Ibunya <i>ada di</i> Espagne.	<i>être</i> + kata sendi + tempat.	<i>ada</i> + kata sendi + tempat	<i>Ada</i> bermaksud berada + tempat
E. J'ai un ballon. Saya <i>ada</i> bola.	<i>avoir</i> + numeral + kata nama	<i>ada</i> + kata nama	<i>Ada</i> (makna mempunyai)


Kata kerja (ada) dalam bahasa Melayu mempunyai makna yang sama dengan kata kerja (avoir) Perancis. Contoh *J'ai un ballon* → Saya **ada** sebiji bola (*J'ai*=Saya ada). Didapati adakala, kata kerja (ada) dalam bahasa Melayu berfungsi sebagai (*être*) Perancis mengikut situasi ujaran dalam bahasa Melayu. *Je suis en Espagne* → Saya **ada** di Sepanyol (*Je suis*=Saya ada=Saya berada di Sepanyol). Ada ketika ketiadaan kata kerja (*être*) dalam struktur ayat asas ujaran bahasa Melayu merupakan satu pengecualian dalam bahasa Melayu seperti dalam ayat di bawah;

Ayat Perancis : *Je suis professeur*  
 Terjemahan : Saya guru  
 Struktur ayat Perancis : *Je suis Professeur* → Subjek + kata Kerja + kata nama  
 Struktur ayat Melayu : Saya guru → Subjek +  $\emptyset$  + kata nama.

Pengecualian tersebut yang di simbolkan sebagai  $\emptyset$  merupakan salah satu peraturan tatabahasa dalam sistem bahasa yang dipertuturkan.

**Contoh Analisis Pohon Transformasi Generatif Dengan Merujuk Jadual 1**


**C. *Dieu est*=Tuhan ada**




Pohon transformasi generatif bagi ayat D menunjuk bentuk struktur sintaksis yang sama di antara kedua-dua bahasa kecuali dalam Perancis kata kerja (*être*) merupakan inti ayat dan merupakan kata

kerja yang dikongjugasi manakala terjemahannya ke dalam bahasa Melayu menuntut penggunaan kata kerja (*avoir*) dan bukannya (*être*) seperti dalam bahasa Melayu. Ini kerana fungsi kata kerja (*être*) tidak terdapat dalam bahasa Melayu akan tetapi dalam ujaran bahasa ianya boleh digantikan dengan kata kerja (*Avoir*=ada) yang membawa maksud *avoir* (have=ada) dalam bahasa Melayu. Ketiadaan kata kerja (*être*) dalam bahasa Melayu boleh dirujuk di Jadual 1, perbandingan konstruksi ayat asas bahasa Perancis-Melayu. Pokok Bahasa Transformasi generatif jelas menunjukkan  $\emptyset$  kerana kedua-dua bahasa tidak menerima komplemen. Gambar yang diberikan melalui pohon transformasi amat jelas dengan pembahagian unit-unit bahasa yang bersistematik.

**Ayat D: *Sa mère est en Espagne***



Terjemahan ayat D: Ibunya ada di Sepanyol



Dalam ayat D menunjukkan konstruksi struktur pohon generatif adalah sama. Pemerhatian menunjukkan hanya kedudukan kata tentu iaitu *sa* dalam frasa nama berbeza antara struktur Perancis berbanding dengan bahasa Melayu. Namun begitu, walaupun terdapat sedikit perbezaan struktur namun semantik ayat asas tersebut adalah sama:

Bahasa Perancis:

Ayat → Kata tentu + Kata nama + kata kerja + Kata sendi + Kata Nama.

Bahasa Melayu:

Ayat → Kata nama + Kata tentu + Kata Kerja + Kata sendi + Kata nama.

Perbezaan elemen struktur linguistik tersebut berpunca daripada berbezaan keluarga bahasa bagi kedua-dua bahasa tersebut yang mana bahasa Perancis berasal daripada ibu bahasa Indo-Eropah manakala bahasa Melayu beribukan bahasa Austronesia dan berada dalam rumpun Malayunesia. Melalui pengaplikasian Teori Transformatif Generatif, pencinta bahasa dapat melihat fungsi dan susunan struktur elemen linguistik sesuatu bahasa dan ia mempermudah pemahaman sistem peraturan tatabahasa sesuatu bahasa tersebut.

## **RUMUSAN**

Teori transformatif generatif digunakan untuk memberikan kefahaman bagaimana struktur ujaran bahasa dapat difahami dengan mudah melalui pohon transformatif generatif. Fungsi leksis dalam pembentukan ayat melalui urutan atau susunan leksis tersebut dalam sintaksis pembentukan ayat dapat diperlihatkan dan diperjelaskan melalui fenomena teori tranformatif generatif. Himpunan leksis merupakan kombinasi unit-unit bahasa dalam pembentukan ayat gramatis. Dua struktur yang membentuk teori ini iaitu Struktur Permukaan yang merupakan representasi ayat daripada Struktur Dalaman yang wujud hasil repretasi abstrak atau dasar dengan memecahkan representasi dalaman dalam bentuk unit morfologi sintaksis kepada kategori tatabahasa sintaksis secara terperinci akan memudahkan pemahaman pembentukan ayat yang berstruktur gramatis.



## **Bibliografi**

- JeanDubois *et al.*, 2002. *Dictionnaire De Linguistique*. Larousse. Italy.
- Mohd Nor Azan Abdullah. 2013. *Thèse du doctorat: Étude Comparative Des Structures Et Des Systèmes Verbaux Du Français Et Du Malais*, Université Du Franche- Comté, Besançon France.
- Mangantar Simanjuntak. 1987. *Pengantar Psikolinguistik Moden*. DBP. Kuala Lumpur.
- Nik Safiah Karim *et al.*, 2009. *Tatabahasa Dewan*. DBP. Kuala Lumpur.
- Nathalie Garric. 2007. *Introduction a la linguistique*. Hachette. Paris.
- Uma A/P Iyavoo *et al.*, 1996. *Teori Linguistik Bagi Penterjemahan*. DBP. Kuala Lumpur.
- Zulkifley Hamid *et al.*, 2007. *Linguistik Melayu*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.